


WAN LOKMAN BIN WAN AHMAD
 IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL





Pengenalan

ART Module merupakan ringkasan daripada *Augmented Reality Teaching Module*. Modul ini bersifat interaktif dengan memberi fokus kepada pembelajaran kraf seramik. Bahan ini berfungsi sebagai bahan bantu mengajar untuk kegunaan guru dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Bertepatan dengan Pembelajaran Abad Ke-21, penggunaan teknologi media baru seperti telefon pintar digalakkan agar dapat menarik minat murid dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Modul ini diterapkan dengan pendekatan gaya pembelajaran *perceptual* yang melibatkan *Visual, Auditory, Read* dan *Kinesthetic*. Ini adalah kerana penerimaan ilmu pengetahuan oleh murid bergantung kepada pengamatan deria semulajadi. *ART Module* ini berupaya membantu guru dalam menggalakkan kepekaan generasi muda terhadap warisan kraf tradisional yang semakin pupus ditelan zaman.

PENDEKATAN GAYA PEMBELAJARAN PERCEPTUAL



PERMASALAHAN

- Guru didapati tidak dapat menarik minat murid untuk melibatkan diri dalam sesi PdP.
- Murid tidak mengambil cakna terhadap kraf tradisional.
- Bahan yang digunakan oleh guru tidak menarik perhatian dan tidak menepati kecenderungan generasi Z.

NOVELTI

- *ART Module* merupakan bahan pengajaran yang diterapkan dengan pendekatan gaya pembelajaran *perceptual* yang berorientasikan kepada pengamatan deria murid.
- Bahan ini menggunakan medium yang sofistikated iaitu sistem *augmented reality*.
- Berfungsi sebagai bahan pembelajaran akses sendiri murid untuk sesi PdPR di era pandemik Covid-19.

OBJEKTIF

- Menyediakan kaedah alternatif kepada guru untuk menjalankan sesi PdP dengan berkesan.
- Menggalakkan apresiasi seni murid terhadap kraf tradisional.
- Meneroka kaedah pembelajaran berasaskan teknologi media baru dengan pendekatan gaya pembelajaran *perceptual*.

PENGGOMERSILAN

- Bahan pengajaran ini dipasarkan dalam bentuk modul dan *apps* untuk kegunaan guru dan murid.
- *Apps augmented reality* sedia dipasarkan kepada pengguna melalui muat turun aplikasi *Playstore* versi Android.
- Didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek (Hak Cipta).

